

14 OCT 1997

KERTAS KERJA LATAR BELAKANG M'SIA MENGENAI MATA WANG DIEDARKAN HARI INI

PETALING JAYA, 14 Okt (Bernama) -- Kertas kerja latar belakang Malaysia mengenai kesan krisis mata wang yang menjejaskan negara-negara Asean dijangka akan diedarkan di Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Ekonomi (SEOM) Asean di sini, hari ini.

Mesyuarat itu, yang memasuki hari kedua dan terakhir hari ini bagi persediaan untuk Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean ke-29 (AEM) pada Khamis ini, akan menumpukan kepada kesan serangan terhadap mata wang yang dihadapi oleh beberapa negara Asean.

Dengan mempersembahkan kertas kerja itu, Malaysia berharap dapat mengemukakan cadangan kepada menteri-menteri terbabit untuk membincangkan mengenai krisis itu yang kini membelenggu ekonomi beberapa negara Asean dalam usaha untuk memperolehi tindak balas serta bagaimana cara mereka menangani masalah berkenaan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata semalam, pengalaman Asean menangani krisis itu akan membantu usaha-usaha Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia bagi mencari jalan untuk mengekang spekulasi serta manipulasi yang berlebihan dalam pasaran mata wang.

Negara yang paling teruk terjejas adalah Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina dengan keempat-empat mata wang negara terbabit menyusut antara 25-30 peratus berbanding dolar Amerika sejak Julai.

Beberapa negara Asean yang terjejas membuat cadangan bagi bantuan kewangan untuk mengatasi masalah mereka daripada agensi bantuan pelbagai hala, dengan Thailand meminta bantuan dari Jepun, yang mempunyai lebihan besar dalam akaun semasa yang boleh digunakan untuk membantu Asean mengatasi masalah itu.

Pegawai-pegawai dalam mesyuarat hari ini yang akan dipengerusikan sekali lagi oleh ketua setiausaha MITI Tan Sri Asmat Kamaludin, juga akan memuktamadkan perkara-perkara terperinci mengenai tata cara pemberitahuan serta Kawasan Pelaburan Asean (AIA).

Apa yang lebih penting, mereka akan menyemak kemajuan yang dibuat terhadap kelulusan oleh negara-negara anggota dalam memotong tarif ke arah pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) menjelang tahun 2003, serta menyemak perkembangan skim Kerjasama Perindustrian Asean (AICO) di mana dilaporkan kira-kira 20 permohonan telah diterima daripada firma multinasional di rantau ini.

Pegawai-pegawai terbabit juga dijangka akan memuktamadkan dokumen berkaitan apabila kumpulan menteri-menteri ekonomi dari rantau ini mula tiba di sini pada hari ini, termasuk Menteri Kanan Kemboja bagi Pembangunan dan Pemulihan, Keat Chhon, yang akan menghadiri sebagai pemerhati.

Rafidah akan mempengerusikan mesyuarat AEM selama dua hari itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan kemudiannya akan disusuli oleh dialog dengan Hubungan Ekonomi Rapat (CER) negara-negara dari Australia dan New Zealand, Komuniti Pembangunan Afrika Selatan (SADC) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun.

-- BERNAMA

MR ZK